

Program basmi miskin tegar dilaksanakan secara adil

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan tidak pernah merampas hak mana-mana kaum atau kelompok masyarakat dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk miskin terutama di kawasan luar bandar dan menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010.

Sebaliknya, tegas Timbalan Perdana Menteri, usaha itu dilakukan secara adil dan saksama, tanpa menimbulkan syak wasangka dan salah faham kaum lain yang sebenarnya sudah begitu faham mengenai pendekatan itu.

"Berasaskan prinsip pertumbuhan

dan pengagihan, tak bererti kita rampas hak mana-mana pihak untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, sebaliknya kita cari jalan tentukan yang mana perlu dapat bantuan itu.

"Melalui pendekatan ini kita dapat lihat pertumbuhan pesat ekonomi negara secara keseluruhan akan bertambah. Pengagihan akan berlaku dalam erti kata mereka (golongan miskin) akan dapat bahagian lebih besar daripada pertumbuhan keseluruhan, itu yang saya maksudkan.

"Sebab itu, saya jelaskan ia tidak menekan, jauh sekali merampas hak mana-mana kaum atau kelompok ma-

sarakat, kita akan tetap melaksanakannya dengan prinsip yang adil dan saksama.

"Bagi yang memerlukan peningkatan pendapatan, kita akan beri tumpuan kepada kumpulan ini, seperti kita lakukan pada hari ini. Kita tak ambil harta orang lain, tetapi bangunkan harta sedia ada pada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan dividen Rancangan Tanah Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanam Semula Komersial (TSK) Pekebun Kecil Risdan Peringkat Kebangsaan dan Parlimen Pekan di sini, semalam.

Turut hadir Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Ishak Muhammad dan Ketua Pengarah Risdan, Datuk Mohd Izat Hassan.

Ketika ditanya kemungkinan timbul salah faham antara kaum berhubung usaha kerajaan mengagihkan kekayaan kepada masyarakat miskin terutama luar bandar itu, Najib berkata, tidak timbul salah faham.

"Semua kaum mengetahui mengenai pengagihan ekonomi yang sudah dilaksanakan lebih 30 tahun lalu dan diperjelaskan menerusi Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Saya rasa mereka faham perkara ini kerana ia sudah dilaksanakan begitu lama. Cuma pada kali ini kita perjelaskan maksud kita dalam RMK-9. Saya rasa tak timbul masalah, melainkan ada pihak cuba mengelirukan rakyat atau pihak tertentu saja.

"Ia sasaran jangka panjang, barang kali menjelang 2020, baru kita boleh sampai matlamat kita," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata, usaha agensi kerajaan seperti Risdan membangunkan tanah terbiar dan tidak ekonomik yang dibangunkan secara berkelompok untuk golongan miskin bertujuan meningkatkan pendapatan mereka.